



## KPKT UMUM INISIATIF PENGECUALIAN SEWA SATU BULAN RUMAH PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Pada 21 Mac 2020, YB Zuraida Kamaruddin selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membawa berita gembira buat penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan mengumumkan pengecualian pembayaran sewaan untuk satu bulan kepada 9,185 unit rumah PPR di bawah pengurusan KPKT. Tindakan ini diambil untuk membantu meringankan beban rakyat yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Perumahan yang terlibat di dalam pengecualian ini ialah PPR Sentul Murni, Rumah Transit Bukit Jalil, PPR Lembah Subang 1, PPR Lembah Subang 2, PPR Kg Hassan Hulu Selangor, PPR Ladang Siliau Port Dickson, PPR Tok Suboh, PPR Amanjaya, PPR Kota Setar, PPR Sinar Intan 3, PPR Gua Musang, PPR Kota Bahru.



Seterusnya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah disarankan untuk menggunakan budi bicara masing-masing untuk memberi pengecualian sewa premis kepada peniaga kecil yang terjejas pendapatan akibat terpaksa menutup perniagaan ekoran pelaksanaan PKP. Selain itu, PBT juga digesa untuk memastikan bahawa semua pasaraya dan kedai runcit mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*), menyediakan *sanitizer* pada laluan masuk dan keluar serta kerap membersihkan pemegang troli dan bakul barangan bagi mengurangkan risiko jangkitan virus COVID-19.

Menurut YB Zuraida Kamaruddin dalam satu kenyataan media berkata, Kementerian menerusi Kerajaan Tempatan negeri akan berkerjasama bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memantau dan memastikan pusat jagaan warga emas swasta mendapat bekalan keperluan yang secukupnya sepanjang tempoh Perintah kawalan Pergerakan (PKP)

Keputusan ini dibuat untuk meringankan beban rakyat yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Disamping itu rakyat diminta duduk di rumah dan jaga kesihatan diri serta keluarga sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.

**Sumber: Unit Komunikasi Korporat**